JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

HIJRAH MEMBINA DIRI, MEMBENTUK PERADABAN

Tarikh Dibaca:

3 MUHARAM 1448H /
19 JUN 2026

Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

HIJRAH MEMBINA DIRI, MEMBENTUK PERADABAN

3 MUHARAM 1448H /19 JUN 2026

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَآئِلِ :

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيم

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ (الرعد:11)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سيدنا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang bertakwa sentiasa berusaha memperbaiki diri, membina keluarga dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Alhamdulillah begitu masa berlalu, kita kini melangkah ke tahun baharu Hijrah 1448. Setiap kali tibanya Awal Muharam, kita sering bercakap tentang perubahan dan azam baharu.

Namun, ada satu persoalan penting yang perlu kita tanyakan kepada diri sendiri. Apakah yang benar-benar berubah dalam diri kita selain angka pada kalendar? Adakah kita menjadi insan yang lebih baik daripada tahun lalu? Adakah hubungan kita dengan Allah semakin dekat? Adakah akhlak kita semakin baik? Adakah kita semakin memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat dan negara?

Kerana hakikatnya, perubahan tidak berlaku hanya kerana bertukarnya tahun. Perubahan berlaku apabila manusia berani mengubah dirinya. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Ra'd ayat 11 yang dibacakan khatib di awal tadi yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Ayat ini mengajar kita bahawa perubahan yang besar sentiasa bermula dengan perubahan dalam diri dan cara kita melihat kehidupan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Apabila kita menyebut tentang hijrah, ramai yang membayangkan perpindahan Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah. Namun hijrah bukan sekadar berpindah tempat. Ia melangkau jauh lebih daripada itu. Hijrah ialah perubahan cara berfikir. Hijrah ialah perubahan sikap. Hijrah ialah keberanian meninggalkan kebiasaan yang merosakkan dan memilih jalan yang diredai Allah SWT.

Rasulullah SAW dan para sahabat meninggalkan kampung halaman, harta benda dan keselesaan hidup bukan sekadar untuk menyelamatkan diri, tetapi untuk membina sebuah masyarakat yang lebih baik. Daripada sebuah masyarakat yang berpecah, Baginda membina masyarakat yang bersatu. Daripada sebuah masyarakat yang dipenuhi permusuhan, Baginda membina masyarakat yang berasaskan kasih sayang. Daripada sebuah masyarakat yang kehilangan arah, Baginda membina sebuah peradaban yang dipandu oleh wahyu. Inilah pengajaran besar daripada peristiwa hijrah. Perubahan diri bukan sekadar untuk kebaikan diri sendiri, tetapi untuk membentuk masyarakat dan membina peradaban.

Hadirin yang dimuliakan,

Hari ini dunia berubah dengan begitu pantas. Teknologi berkembang tanpa sempadan. Kecerdasan buatan semakin mempengaruhi cara manusia berfikir dan bekerja. Maklumat boleh diperoleh dalam sekelip mata. Namun di sebalik semua kemajuan ini, kita masih berdepan pelbagai cabaran. Ramai yang berjaya dalam kerjaya, tetapi gagal mengurus kehidupan. Ramai yang mempunyai ramai kenalan, tetapi berasa sunyi. Ramai yang mempunyai banyak maklumat, tetapi hilang arah tujuan. Ramai yang mengejar kejayaan dunia, tetapi lupa membina jiwa. Kerana itu kita memerlukan hijrah.

Hijrah daripada hidup tanpa tujuan kepada hidup yang dipandu iman. Hijrah daripada mementingkan diri kepada menyumbang kepada masyarakat. Hijrah daripada sekadar mengejar kejayaan peribadi kepada membina masa depan ummah.

Sejarah membuktikan bahawa tamadun yang hebat tidak dibina oleh manusia yang hanya memikirkan diri sendiri. Peradaban dibina oleh manusia yang berilmu, berakhlak dan mempunyai tujuan hidup yang jelas. Peradaban

dibina oleh ibu bapa yang mendidik anak-anak dengan nilai agama. Peradaban dibina oleh guru yang mendidik dengan kasih sayang. Peradaban dibina oleh pemimpin yang amanah dan peradaban dibina oleh masyarakat yang saling membantu dan menghormati.

Satu perkara yang sering dilupakan ialah peradaban yang hebat tidak hanya dibina dengan bangunan yang tinggi atau teknologi yang canggih. Peradaban juga dibina melalui bahasa, ilmu dan pemikiran yang diwariskan daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya.

Sempena sambutan Ulang Tahun Ke-70 Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun ini, marilah kita menghargai peranan besar institusi ini dalam memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa pembinaan tamadun. Sejak penubuhannya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjadi penggerak penting dalam memperkaya khazanah ilmu, membudayakan amalan membaca dan memperkukuh jati diri bangsa.

Wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW ialah perintah membaca. Ini menunjukkan bahawa pembinaan peradaban sentiasa bermula dengan ilmu. Ilmu pula berkembang dan diwariskan melalui bahasa yang baik. Apabila bahasa dipelihara, ilmu dapat disebarkan. Apabila ilmu berkembang, masyarakat dapat dibangunkan. Dan apabila masyarakat dibangunkan dengan ilmu dan nilai yang baik, lahirlah sebuah peradaban yang kukuh dan bermaruah.

Maka, sempena tahun baharu Hijrah ini, marilah kita bertanya kepada diri sendiri, apakah sumbangan yang ingin kita berikan kepada agama, masyarakat dan negara? Dan apakah legasi kebaikan yang ingin kita

tinggalkan? Kerana hijrah yang sebenar bukan hanya tentang siapa kita hari ini, tetapi tentang siapa yang sedang kita bentuk untuk masa hadapan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagai rumusan daripada khutbah pada hari ini:

Pertama: Hijrah bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi proses perubahan diri yang berterusan.

Kedua: Perubahan yang sebenar bermula dengan keberanian mengubah diri sendiri. Perubahan diri yang dipandu iman akan membentuk keluarga, masyarakat dan peradaban yang sejahtera.

Ketiga: Setiap Muslim bertanggungjawab menyumbang kepada pembinaan ummah mengikut kemampuan masing-masing.

Tahun akan terus berganti. Kalendar akan terus berubah. Tetapi kehidupan kita tidak akan berubah jika kita tidak berani berubah. Hijrah yang sebenar bukan sekadar berpindah tempat. Hijrah yang sebenar ialah berpindah daripada kelalaian kepada kesedaran, daripada kelemahan kepada kekuatan dan daripada kehidupan yang biasa kepada kehidupan yang membawa makna.

Semoga tahun baharu Hijrah ini menjadikan kita insan yang lebih dekat kepada Allah SWT, lebih bermanfaat kepada manusia dan lebih bersedia membina peradaban yang diredai-Nya.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا يڠ د-ڤرتوان اكوڠ سُلْطَان إِبْرَاهِيم.

وَكَذٰلِكَ كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤدوك بكيندا راج ڤرمايسوري اكوڠ، راج زَارِيثْ صُوفِيَاهْ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِناً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فِلَسْطِين، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، ﴿إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.